

1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Mei

2 ¼ jam

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**TAHUN 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
  2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu daripada Bahagian B.*
  3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

**Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak**


**[ Lihat sebelah**

**BAHAGIAN A**

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **faedah-faedah menguasai lebih daripada satu bahasa dalam kalangan pelajar sekolah di negara ini**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



3

[ Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

[ 100 markah ]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Gejala sosial dalam kalangan remaja semakin membimbangkan banyak pihak meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan, namun permasalahan ini masih mengalami jalan buntu untuk diselesaikan.

Bincangkan cara- cara untuk mengatasi masalah gejala sosial dalam kalangan remaja kini.

2. Perkembangan teknologi maklumat kini menimbulkan kecenderungan kepada anak- anak untuk melayari internet terutama yang melibatkan unsur- unsur negatif.

Pada pendapat anda, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa dalam menangani permasalahan ini.

3. Pelbagai kemudahan pengangkutan awam telah disediakan oleh kerajaan demi keselesaan anggota masyarakat.

Sebagai seorang wartawan sebuah akhbar harian, anda diminta mewawancara Setiausaha Menteri Pengangkutan tentang cara- cara untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini.

Tuliskan wawancara tersebut selengkapnya.

4. Negara kita amat menggalakkan hubungan diplomatik dengan negara- negara serantau. Hubungan diplomatik ini telah memberi pelbagai impak dalam pelbagai bidang.

Tulis sebuah rencana tentang langkah- langkah yang dapat dilakukan untuk mewujudkan kerjasama yang erat antara negara kita dengan negara- negara serantau.

5. Genre Kesusasteraan Melayu Tradisional seperti pantun, gurindam, syair dan seloka semakin dilupakan oleh generasi muda pada hari ini.

Huraikan cara- cara untuk menggalakkan generasi muda meminati Puisi Melayu Tradisional ini.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Peraturan  
Pemarkahan  
Mei 2010



**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 8 halaman bercetak

**Kertas 1****Markah Penuh : 130**

- 1.0 Tujuan Pengujian :** Untuk menguji kebolehan calon dalam;
- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
  - 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
  - 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
  - 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.
- 2.0 Langkah-langkah pemeriksaan**
- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
  - 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

**BAHAGIAN A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
(30 markah)**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30  (28 – 30)  (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
Kepujian	20 - 25  (23 – 25)  (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi .</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
Memuaskan	15-19  (17 – 19)  (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
Kurang Memuaskan	10-14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih kurang</b> menepati tema bahan rangsangan</li> <li>• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.</b> Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara.</b> Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>• Wacananya <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>
Pencapaian Minimum	01 - 09 (06 -09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al Quran dan lain-lain*

**Bahagian B : Karangan Respons Terbuka  
(100 markah)**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan - kata (morfologi) - ayat (sintaksis)</li> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>
3. IDEA (Isi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi Utama</li> <li>• Pengembangan (huraian / bahasan / hujahan / contoh)</li> <li>• Kerelevanan</li> </ul>
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerenggan</li> <li>• Format</li> </ul>
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>



## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 - 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang sangat luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> sangat menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> sangat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
Kepujian	66 -79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan tanda baca betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
Baik	51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>ayat majmuk</b> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> masih tepat.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi masih</li> </ul>

		<p>jelas dan contoh masih sesuai.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengolahan</b> masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih lengkap.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> yang masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan masih berkesan.</li> </ul>
Memuaskan	<p>36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> kurang / masih tepat.</li> <li>• <b>Ayat masih</b> gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> kurang / masih sesuai.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> kurang / masih menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih / kurang lengkap.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih / kurang bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> masih / kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>
Kurang Memuaskan	<p>21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kata</b> kurang tepat..</li> <li>• <b>Ayat tidak</b> gramatis tetapi masih difahami.</li> <li>• Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
Pencapaian Minimum	<p>01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhannya menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

- 2.3 **Markah bersih/muktamad** itu hendaklah **ditulis di penjuru atas sebelah kanan pada halaman pertama** karangan. Markah itu hendaklah dikepung dengan bulatan.

Bahagian A – 23 markah

Bahagian B – 65 markah

Jumlah            88 markah

Pemeriksa hendaklah memberi **komen** sekiranya perlu pada karangan yang diperiksa.

- 3.0 **Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:**

(            ) =        Kesalahan isi

----- =        Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/            =        Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

//          =        Kesalahan ejaan yang berulang

**O**         =        Kesalahan tanda baca

SULIT  
1103/2

Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Mei  
2010  
2 ½ jam



**JABATAN PELAJARAN MELAKA**  
**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 2**  
**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

**[Lihat sebelah**

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang faedah permainan tradisional dan langkah-langkah untuk menghidupkan permainan tradisional kembali. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Di negara kita, terdapat pelbagai jenis permainan tradisional daripada pelbagai suku kaum. Antara yang paling popular termasuklah wau, batu seremban, congkak, gasing, konda-kondi, dan banyak lagi. Permainan tradisional dimainkan sama ada oleh kanak-kanak, remaja atau orang dewasa. Namun, kini permainan tradisional *semakin terpinggir* dan dibayangi oleh permainan moden.

Permainan tradisional juga seperti permainan moden dapat membina fizikal kerana pemainnya perlu bergerak aktif, pantas, dan laju. Seseorang yang aktif dalam permainan lazimnya mempunyai bentuk badan yang cantik dan sahsiah yang baik. Selain itu, permainan tradisional juga menjadi kegiatan riadah untuk mengisi masa senggang setelah pulang dari sekolah dan selepas penat bekerja. Bermain permainan tradisional secara perseorangan ataupun berpasukan dapat mengeratkan hubungan sama ada dalam kalangan pemain ataupun anggota keluarga. Bagi permainan yang lebih besar seperti gasing, wau, dan sebagainya, permainan itu dapat menarik perhatian penduduk dari kampung yang berdekatan sama ada sebagai pasukan lawan atau penonton.

Permainan yang dimainkan secara berpasukan pula secara langsung dapat menanam sikap dan nilai kerjasama. Tanpa kerjasama ahli kumpulan, permainan tidak dapat dilangsungkan dengan baik, apatah lagi untuk mencapai kemenangan. Kekuatan sesebuah pasukan bukan sahaja memerlukan kerjasama, malahan bergantung pada ciri kepimpinan dan kepatuhan pengikutnya terhadap arahan ketua serta peraturannya. Setiap permainan juga menuntut pemainnya berfikir untuk mengatur strategi dan memilih teknik yang terbaik untuk menang. Tanpa strategi dan teknik yang bagus, sudah pasti permainan menjadi hambar. Tidak ada pihak yang bermain sekadar untuk menjadi pihak yang kalah.

Permainan tradisional juga tidak memerlukan peralatan khusus seperti raket, kasut, bola dan gelanggang tersendiri. Alat yang digunakan sungguh mudah dan boleh didapati di sekeliling kita seperti biji buah, kayu, buluh, bulu ayam, dan sebagainya. Pendek kata, kita tidak perlu membeli apa-apa peralatan dan tidak melibatkan gelanggang, berbeza dengan permainan moden yang memerlukan gelanggang atau padang. Oleh itu, sesiapa sahaja boleh memainkannya dan tidak melibatkan kos yang tinggi. Permainan tradisional juga boleh dimainkan di mana-mana dan bila-bila masa sama ada di luar atau di dalam rumah.

Untuk mengembalikan permainan tradisional itu ke pangkuan remaja kini barangkali terlalu sukar kerana kebanyakannya tidak begitu popular lagi dan tidak sesuai dengan persekitaran yang ada kini. Malahan kebanyakan remaja sekarang beranggapan bahawa permainan tradisional merupakan permainan yang ketinggalan zaman. Ada juga yang berpendapat bahawa permainan tradisional bukan sahaja tidak menyeronokkan,

tetapi membuang masa mereka sahaja, serta membosankan. Tegasnya, untuk mengelakkan permainan tradisional daripada terus dilupakan, pelbagai usaha perlu dilaksanakan untuk memastikan permainan ini terus wujud dalam minda dan hati masyarakat kita.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Remaja dan Permainan Tradisional”  
oleh Hanapi Dollah, *Dewan Siswa*, September 2009)

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *semakin terpinggir*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** tanggapan negatif remaja terhadap permainan tradisional. [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pihak sekolah dalam menghidupkan kembali permainan tradisional? [4 markah]

#### Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Aha! Annyss Sophillea ! Lama betul kau menghilangkan diri. Apa yang dimenungkan tu?” Satu suara lelaki mengejutkan lamunannya. Pantas dia menoleh.

“Kau Strenn?”

“Siapa lagi kalau bukan sepupu kau yang seorang ni?” balas Strenn. Dia bukanlah orang pertama yang Annyss jangka akan menyambut kepulangannya. “*Tak ke mana pun perginya belut, akhirnya pulang juga ke lumpur,*” terus menyindir.

“Apa yang kau mahu datang ke sini?” tegas Annyss.

“Sekadar bertanya khabar.”

“Kalau itu yang kau inginkan, khabarku masih baik.”

“Bagaimana dengan Eyrique? Sudah ditemui?”

Pertanyaan Strenn berbau sinis. “Lupakan dia Annyss, kalau kau menjadi isteriku, sekali gus kau adalah Permaisuri Alstonia. Tapi kalau Eyrique naik takhta, kau tidak akan dapat apa-apa.” Strenn telah merasakan kemenangannya. “Untuk pengetahuan kau, aku sudahpun berjumpa dengan Eyrique.” Annyss cukup nekad dengan jawapannya. “Esok akan kubawa dia ke istana. Bersedialah!” Dengan hamburan kata-kata itu, Annyss meninggalkan Strenn yang amat terkejut. Air mukanya jelas berubah tatkala Annyss menekan perkataan ‘sudah’. Annyss sendiri tergamam dengan tindakannya. Entah mengapa lancar benar lidahnya mendustai Strenn.

(Dipetik daripada “Annyss Sophillea oleh dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud peribahasa “*Tak ke manapun perginya belut, akhirnya pulang juga ke lumpur*”.
- [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda Annyss Sophillea, adakah anda akan menerima lamaran Strenn? Berikan alasan anda.
- [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni dalam petikan di atas dan **dua** nilai murni yang terdapat dalam keseluruhan cerpen tersebut.
- [3 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka disahut oleh bunga tanjung biru, katanya;  
Dang Nila memangku puan,  
Berembang buah pedada;  
Adakah gila bagimu tuan?,  
*Burung terbang dipipiskan lada.*

Maka Tun Mamat pun hairan memandang perhiasan taman itu. Maka Tun Mamat bertemu dengan sebuah balai di dalam taman itu, semua perkakasnya tulang, atapnya rambut. Di atas balai itu seorang perempuan tua baik rupanya, menyampai kain pendukung. Empat orang perempuan muda-muda menghadapi dia. Maka ia bertanya kepada Tun Mamat, katanya, “Orang mana kamu ini, dan hendak ke mana kamu?”

Maka kata Tun Mamat, “Kami ini orang Melaka, nama kami Tun Mamat, dititahkan oleh Sultan Melaka meminang Puteri Puteri Gunung Ledang ini. Laksamana dan Sang Setia ada di bawah gunung ini, tiada boleh naik; akan hamba disuruhnya. Dan tuan hamba ini siapa? Dan apa nama tuan hamba?”

Maka sahut perempuan itu. “Nama hamba Dang Raya Rani. Hambalah pengetua Tuan Puteri Gunung Ledang. Nantilah hamba di sini biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba ini kepada tuan puteri.

Maka Dang Raya Rani dengan keempat perempuan sertanya itu lenyaplah.

(Dipetik daripada “Peminangan Puteri Gunung Ledang”,  
dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *Burung terbang dipipiskan lada* dalam pantun di atas.
- [2 markah]
- (ii) Nyatakan perkara-perkara yang luar biasa yang ditemui oleh Tun Mamat di dalam taman.

[ 3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah Dang Raya Rani tidak membenarkan Tun Mamat mengikutnya untuk menyampaikan hasrat peminangan tersebut?

[3 markah]

**Soalan 2 (d) – Petikan Puisi**

*Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Assalamualaikum saya ucapkan,  
Selamat sejahtera handai dan rakan,  
Sebuah syair saya sajikan,  
Bersama-sama kita menungkan.

Duhai dengarlah suatu cetera,  
Di zaman dahulu sebuah negara,  
Bangsa bijak gagah perwira,  
Hidup bersatu aman sejahtera.

Berkali-kali dicuba musuh,  
Negara dilanggar hendak diruntuh,  
Berkat bersatu rakyat teguh,  
Tetap berdaulat berdiri kukuh.

Hinggalah sampai saat yang gelap,  
Entah di mana salah dan silap,  
Entah siapa lalai dan lelap,  
Rakyat berbalah daulat pun malap.

Jadilah kita bangsa terjajah,  
Terjejas daulat tercemar maruah,  
Politik rebeh ekonomi rebah,  
Siang malam berhati gundah.

Kita dijajah empat kurun,  
Ditambah empat puluh enam tahun,  
Budaya dan ilmu setandus gurun,  
Harga diri semakin turun.



Bangkit pahlawan demi pahlawan,  
 Berjuang merebut kemerdekaan,  
 Bunga bangsa gugur terkorban,  
 Harumnya lesap di telan zaman.

Dipetik daripada “Syair Jong Pecah”, oleh Adibah Amin,  
 dalam antologi *Kerusi*

- (i) Nyatakan kesan-kesan setelah negara dijajah. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan agar jasa pejuang-pejuang tanah air dikenang sepanjang zaman? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran daripada syair di atas. [4 markah]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) kelat
- (ii) pahit
- (iii) lemau
- (iv) rangup
- (v) merdu
- (vi) parau

[6 markah]

- (b) Tukarkan dialog di bawah ini kepada cakap pindah dengan mengekalkan susunan asalnya. Gunakan bahasa yang gramatis.

Amin : Selamat petang, boleh saya bercakap dengan Farid?  
 Encik Malik : Selamat petang, siapa yang bercakap tu?  
 Amin : Saya Amin, kawan sekelas Farid.  
 Encik Malik : Maafkan pak cik nak. Farid baru saja keluar. Ada apa-apa pesanan dapat pak cik sampaikan?  
 Amin : Saya nak ajak Farid ke rumah Ali untuk berbincang tentang

kerja kursus kami.

Encik Malik : Nanti pak cik sampaikan pesanan ni kepada Farid.

Amin : Terima kasih, pak cik.

[6 markah]

- (c) Dalam petikan di bawah terdapat **tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Pengkajian terhadap remaja berusia 12 hingga 18 tahun di seluruh negara melapurkan masalah lebih berat badan dan obessiti adalah pada tahap 19 peratus. Golongan remaja aktif seperti atlet juga tidak terlepas daripada amalan pemakanan tidak sihat apabila mereka percaya hanya pil vitamin, mineral, atau protein boleh membaiki prestasi sukan. Antara atlet yang paling berisiko berkepercayaan maklumat pemakanan tidak tepat ini ialah gimnastik, penari ballet, ahli tinju, dan pelari jarak jauh. Kepekaan terhadap status berat badan yang tepat dapat menjadikan asas penilaian sama ada remaja mengamalkan pemakanan sihat.

[6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sasterawan negara merupakan anugerah tertinggi sekali yang kerajaan kurniakan bagi mengiktiraf jasa sasterawan yang banyak sumbangannya dalam dunia kesusasteraan tanah air.
- (ii) Lain-lain perkara yang tidak dapat dilangsaikan dalam mesyuarat ini akan dibincangkan dalam mesyuarat akan datang.
- (iii) Semua buku-buku yang ada di rak itu telah disusun oleh kami pada minggu lepas.

[6 markah]

- (e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat di tersebut.

- (i) Kita janganlah mudah terpedaya dengan orang yang bersikap bermuka-muka kerana golongan ini pandai berlakon dengan berpura-pura baik di hadapan kita.

- (ii) Pak Husin berasa canggung ketika dia menghadiri majlis perkahwinan anak buahnya yang diadakan di hotel terkemuka di Kuala Lumpur.
- (iii) Setelah bertahun-tahun menjalankan kegiatan haram itu, akhirnya dia berjaya ditangkap pihak berkuasa.

[6 markah]

#### Soalan 4 : Novel

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan **dua** faedah yang diperoleh setelah membaca novel tersebut.

[7 *markah*]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, jelaskan **satu** persoalan kerjasama yang terdapat dalam setiap novel.

[8 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT

Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Peraturan  
Pemarkahan  
Mei  
2010



**JABATAN PELAJARAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Melaka**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi - 20 markah  
(b) Bahasa - 10 markah

(a) **Isi** [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :  
- nama khas  
- perkataan berulang  
- penggunaan kata sendi di dan ke  
- tarikh  
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan  
- gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
	<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan**

Petikan membincangkan kebaikan/ keistimewaan/manfaat/ kelebihan permainan tradisional. 2m

**Isi Tersurat (Faedah permainan tradisional)**

1. Permainan tradisional dapat membina fizikal.  
2 m
2. Permainan tradisional menjadi kegiatan riadah.  
2 m
3. Bermain permainan tradisional secara perseorangan ataupun berpasukan dapat mengeratkan hubungan.  
2 m
4. dapat menarik perhatian penduduk dari kampung yang berdekatan
5. Permainan yang dimainkan secara berpasukan dapat menanam sikap dan nilai kerjasama.  
2m
6. Setiap permainan menuntut pemainnya berfikir untuk mengatur strategi dan memilih teknik yang terbaik untuk menang.  
2 m
7. Permainan tradisional juga tidak memerlukan peralatan khusus.  
2 m
8. sesiapa sahaja boleh memainkannya dan tidak melibatkan kos yang tinggi.  
2 m
9. boleh dimainkan di mana-mana dan bila-bila masa  
2 m

**Isi Tersirat (Langkah-langkah menghidupkan permainan tradisional )**

1. Mengadakan pertandingan /pesta permainan tradisional.  
2m
2. Mengadakan pameran / demonstrasi permainan tradisional.  
2 m
3. Ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak/ meluangkan masa bermain bersama-sama anak  
2 m
4. Guru menggalakkan pelajar membuat kerja kursus tentang permainan tradisional / melalui aktiviti kokurikulum /  
2 m
5. Media massa menyiarkan artikel-artikel /menghebahkan permainan tradisional  
2 m

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**Kesimpulan [2 markah]**

Kesimpulannya, permainan tradisional perlu dikekalkan agar dapat memelihara warisan budaya zaman berzaman.

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 - 17	9 – 10 7 -9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 5	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih baik - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.  
[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]



**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagiakan kepada :

- Soalan 2 (a) : **9** markah
- Soalan 2 (b) : **9** markah
- Soalan 2 (c) : **8** markah
- Soalan 2 (d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**Soalan 2 (a) : Petikan Umum**

(i) Maksud

- kian diketepikan

2 m

- kian dilupakan

2 m

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Tanggapan negatif :

- permainan yang ketinggalan zaman

1 m

- tidak menyeronokkan

1 m

- membuang masa mereka sahaja

1 m

- membosankan

1 m

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Peranan pihak sekolah :

- menubuhkan kelab permainan tradisional /melalui aktiviti kokurikulum

1 m

- mengadakan pertandingan permainan tradisional

1 m

- mengadakan pameran tentang permainan tradisional /mewujudkan sudut warisan

1 m

- lawatan sambil belajar ke pusat seni dan budaya

1 m

- mengadakan ceramah /kempen kesedaran warisan budaya

1 m

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen**

- (i) Maksud peribahasa  
- seseorang yang merantau ke tempat orang akhirnya akan pulang ke tempat asalnya.  
2 m

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Terima dengan alasan :

- boleh menjadi permaisuri  
1 m
- Strenn saudara sepupu (takhta tidak jatuh ke tangan orang lain)  
1 m
- boleh merampas kuasa (strategi untuk menjadi raja nanti)  
1 m
- peluang menjadi orang yang berkuasa  
1 m
- tidak berdaya untuk mencari Erique lagi  
1 m

Menolak dengan alasan :

- benci akan Strenn / tidak cinta akan Strenn  
1 m
- sayang akan Erique  
1 m
- mahu menunaikan wasiat ayahanda dan bonda  
1 m
- yakin akan dapat mencari Erique  
1 m
- tidak mempercayai Strenn  
1 m

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) **Satu nilai dalam petikan :**  
- Bijak : beralih kepada Strenn tentang Erique  
1 + 1 m

- Tegas : tidak mudah terpengaruh dengan kata-kata Strenn 1
- + 1 m
- Amanah : berjanji untuk menunaikan wasiat ayahanda, bonda
- 1 + 1 m

[Maksimum : 2 markah]

**Satu nilai dalam cerpen :**

- Setiakawan : Akmal sanggup ke Alstonia untuk mencari Eriquer
- 1 + 1 m
- Kegigihan : Annyss berusaha untuk mencari Eriquer walaupun sampai ke bumi. 1
- + 1 m
- kasih sayang : Annyss mencari Eriquer kerana sayang akan adiknya.
- 1 + 1 m
- Keberanian : Annyss, Akmal dan Eriquer berani menentang Strenn dan konco-konconya dalam usaha mencari Eriquer
- 1 + 1 m

**Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Klasik**

- (i) Maksud pantun
- Maksud Burung terbang dipipiskan lada ialah melakukan sesuatu yang belum tentu/pasti hasilnya.

[Maksimum : 2 markah]

- (ii) Perkara-perkara yang luar biasa
- bunga tanjung biru boleh bercakap/berkata-kata 1 m
  - semua perkakasnya tulang 1 m
  - atapnya rambut 1 m

[Maksimum : 3 markah]

- (iii) Dang Raya Rani tidak membenarkan Tun Mamat mengikutnya untuk menyampaikan hasrat peminangan kerana
- kawasan larangan Puteri Gunung Ledang 1 m
  - perjalanan ke tempat Puteri Gunung Ledang masih jauh dan semakin sukar 1 m
  - Tun Mamat orang asing/menjaga keselamatan puteri 1 m
  - Tun Mamat tidak setaraf dengan Puteri Gunung Ledang 1 m
  - membolehkan Dang Raya Rani dan Puteri Gunung Ledang berbincang tentang hasrat peminangan tersebut. 1 m

[Maksimum : 3 markah]

**Soalan 2 (d) : Puisi**

(i) Kesan setelah negara ini dijajah :

- terjejas daulat  
1 m
- tercemar maruah  
1 m
- politik rebah  
1 m
- ekonomi rebah  
1 m
- siang malan hati gundah  
1 m
- budaya dan ilmu setandus gurun  
1 m
- harga diri semakin turun  
1 m

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Usaha-usaha untuk mengenang jasa pejuang tanah air :**

- menganugerahkan pingat kebesaran  
1 m
- memberikan elaun sara hidup  
1 m
- menamakan bangunan atau jalan raya dengan nama-nama pejuang  
1 m
- menerbitkan filem atau drama tentang pejuang/ mendokumentasikan detik-detik perjuangan mereka  
1 m
- menerbitkan buku-buku tentang pejuang  
1 m

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Dua pengajaran :**

- 2 m - Kita hendaklah bersatu padu agar hidup sejahtera
- 2 m - Kita hendaklah menentang penjajah agar negara kita bebas dari kongkongan / merdeka
- 2 m - Kita hendaklah mengenang jasa pejuang tanah air agar pengorbanan mereka dihargai
- 2 m - Kita hendaklah berani menentang musuh agar negara kita selamat

[Maksimum : 4 markah]

### Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagiakan kepada :

- Soalan 3 (a) : **6** markah
- Soalan 3 (b) : **6** markah
- Soalan 3 (c) : **6** markah
- Soalan 3 (d) : **6** markah
- Soalan 3 (e) : **6** markah

#### Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0** markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0** markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1** markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi ayat berkenaan.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.

3 (a)

(vii) Kelat

- rasa hampir-hampir pahit (spt rasa pinang)

- lekat, susah dibuka (mata kerana terlalu mengantuk)
- sejenis tumbuhan
- (viii) Pahit
  - rasa seperti hempedu
  - menyakitkan hati (perasaan)
  - tidak senang, susah, sukar, payah
  - sukar ditanggung atau diterima
  - sejenis tumbuhan (rumput)
- (ix) Lemau
  - tidak rancak (bunyi)
  - tidak garing, lembik (spt biskut yang masuk angin dll)
  - lemah urat
- (x) Rangup
  - mudah pecah atau patah, rapuh
  - pecahan
- (xi) Merdu
  - enak atau sedap didengar (suara, nyanyian, dll)
- (xii) Parau
  - serak, garau (suara)

[Maksimum : 6 markah]

3 (b) *Cakap pindah*

Amin mengucapkan selamat petang kepada Encik Malik dan meminta keizinan untuk bercakap dengan Farid. Encik Malik membalas ucapan Amin dan bertanya orang yang bercakap itu. Amin memperkenalkan dirinya dan menyatakan bahawa dia kawan sekelas Farid. Encik Malik meminta maaf dan memberitahu Amin bahawa Farid baru sahaja keluar dan bertanya sama ada Amin ada apa-apa pesanan untuk disampaikan kepada Farid. Amin memberitahu bahawa dia hendak mengajak

Amin pergi ke rumah Ali untuk membincangkan kerja kursus mereka. Encik Malik berjanji akan menyampaikan pesanan itu kepada Farid. Amin mengucapkan terima kasih kepada Encik Malik.

[Maksimum : 6 markah]

## 3 (c)

(i) **Kesalahan ejaan :**

- |            |   |            |
|------------|---|------------|
| Melapurkan | - | melaporkan |
| Obessiti   | - | obesiti    |
| ballet     | - | balet      |

**Kesalahan imbuhan :**

- |                |   |             |
|----------------|---|-------------|
| Pengkajian     | - | Kajian      |
| berkepercayaan | - | mempercayai |

menjadikan - dijadikan

[Maksimum : 6 markah]

3 (d)

- |      |                                        |   |                                                        |
|------|----------------------------------------|---|--------------------------------------------------------|
| (iv) | tertinggi sekali<br>kerajaan kurniakan | - | tertinggi / tinggi sekali<br>dikurniakan oleh kerajaan |
| (v)  | lain-lain perkara<br>dilaksanakan      | - | perkara-perkara lain<br>diselesaikan                   |
| (vi) | Semua buku-buku<br>disusun oleh kami   | - | Semua buku / buku-buku<br>kami susun                   |

[Maksimum : 6 markah]

3 (e) Peribahasa

- (iv) Talam dua muka
- (v) Seperti rusa masuk kampung
- (vi) Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga

[Maksimum : 6 markah]

#### Soalan 4

Markah penuh 15 markah

#### Panduan pemarkahan bagi soalan 4

- (a)
  - (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
  - (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
  - (iii) Markah isi maksimum 4 markah.
  - (iv) Markah bahasa maksimum 3 markah.
  - (v) markah bahasa diberi secara *impression*.
 

Baik	: 3 markah
Sederhana	: 2 markah
Lemah	: 1 markah
  - (vi) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
  - (vii) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b)
  - (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
  - (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
  - (iii) Beri 1 markah untuk contoh 1 persoalan bagi setiap novel.
  - (iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian yang lengkap/jelas bagi setiap novel.



- (v) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vi) Markah bahasa diberi secara *impression* :
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

4 (a) Faedah yang diperoleh setelah membaca novel.

**Di Hadapan Pulau :**

**1. Mengetahui sejarah negara**

Sejarah Tanah Melayu dijajah oleh Jepun semasa Perang Dunia Kedua iaitu pada peringkat awal perang, sekitar tahun 1940-an.

**2. Meningkatkan semangat cinta akan negara**

Kehidupan orang Melayu menentang penjajahan Jepun, penduduk kampung membina kubu.

**3. Melahirkan rasa insaf tentang kesan buruk peperangan/mangsa perang.**

Kesan buruk peperangan ialah kesukaran mencari makanan semasa peperangan, Aziz dan Afidah terpaksa mencari makanan di kubu lama, banyak nyawa terkorban termasuk Tuk Marzuki.

**4. Dapat mengenali Sasterawan negara.**

Biodata A. Samad Said, latar belakang pendidikannya, karya-karya yang dihasilkan dan kejayaannya.

**5. Memperoleh nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pengajaran.**

Nilai ketabahan : Aziz tabah menghadapi kesengsaraan hidup semasa perang  
 Nilai semangat bermasyarakat : Mak Ketong, Joyah dan Latifah berpeluk-pelukan dengan Wan Rohani dan Rosiah setelah empat hari mereka ditahan Jepun.

**Putera Gunung Tahan :**

**1. Mengetahui sejarah negara**

Sejarah Tanah Melayu dijajah oleh orang Inggeris sekitar tahun 1926.

**2. Meningkatkan semangat cinta akan negara**

Pembesar-pembesar Melayu menentang penjajahan Inggeris seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau, Tuk Gajah dan beberapa pembesar lagi sanggup berkorban nyawa menentang penjajahan Inggeris.

**3. Melahirkan rasa insaf tentang kesan buruk penjajahan asing**

Kesan buruk penjajahan ialah pergaulan bebas contoh Tengku Aishah yang mengandung tiga bulan tanpa suami, ada orang Melayu yang memeluk agama Kristian

**4. Dapat mengenali Sasterawan negara/ penulis**

Biodata Ishak Haji Muhammad, latar belakangnya, karya-karya yang dihasilkan, kejayaannya dan sumbangan dalam bidang penulisan dan sastera

**5. Meningkatkan kemahiran berbahasa (kosa kata, gaya bahasa dan sebagainya)**

Penggunaan peribahasa dalam ayat, contoh masuk kandang kerbau menguak, masuk kandang kambing mengembek.

**6. Memperoleh nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pengajaran**

Nilai baik hati : masyarakat sakai membantu perempuan tua ketika melahirkan anak  
 Nilai setiakawan : Tuan William teringat akan sahabatnya, Tuan Robert yang terpisah dengannya dan berusaha mencarinya.

**7. Menambah pengetahuan tentang adat resam, budaya dan gaya hidup masyarakat Melayu dan masyarakat lain.**

Adat perkahwinan orang Sakai, pemuda perlu mengejar perempuan sakai tujuh kali mengelilingi busat jantan atau memanjat pokok yang licin untuk menangkap perempuan sakai.

[Maksimum : 7 markah]

## 4 (b) Persoalan kerjasama

**Di hadapan Pulau****1. Kerjasama antara rakan**

- \* Aziz membantu Afidah mencari makanan di kubu lama.
- \* Taksiah tolong mencari kerja untuk Joyah

**2. Kerjasama antara orang dewasa dan kanak-kanak.**

- \* Aziz menolong Syed Fikri bercucuk tanam
- \* Aziz dan Afidah mencari makanan untuk mak Ketong

**3. Kerjasama antara anggota masyarakat.**

- \* orang kampung membina shelter untuk Mak Ketong

**Putera Gunung Tahan.****1. Kerjasama antara Pembesar.**

- \* Perempuan tua, dan suaminya serta pembesar-pembesar lain bersama-sama berjuang menentang Inggeris.

**2. Kerjasama antara insan.**

- \* Orang sakai membantu perempuan tua ketika sakit hendak bersalin.
- \* Perempuan tua mengajar ilmu keduniaan kepada orang sakai
- \* Ali, Awang menjadi jurutunjuk kepada Tuan Robert dan Tuan William semasa mendaki Gunung Tahan.
- \* Ratu Bongsu menolong merawat mem William sehingga sembuh.

**3. Kerjasama antara pemimpin dan rakyat.**

- \* Kusina mengunci Tuan William di dalam bilik khazanah sehingga dia mati.

**[Maksimum : 8 markah]****PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**